

# KL City, KDA diberi peluang kedua

**PETALING JAYA:** Liga Bolasepak Malaysia (MFL) mengesahkan Kuala Lumpur (KL) City dan Kedah Darul Aman (KDA) FC gagal membuat pembayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada jumlah tunggakan gaji pemainnya bagi tahun 2023 pada 15 Mac lalu seperti yang ditetapkan.

Badan bebas First Instance Body (FIB) dalam satu kenyataan berkata kedua-dua kelab itu gagal berbuat demikian selepas berlaku pertukaran pengurusan tertinggi terhadap KL City serta bayaran yang dibuat KDA FC tidak mencapai 50 peratus.

“Seperti yang kita sedia mak-lum, KL City baharu sahaja men-galami perubahan pengurusan peringkat tertinggi dan penaung



KL City Yang Berhormat Fahmi Fadzil menerusi laporan media sebelum ini telah tampil me-nyatakan untuk menyelesaikan urusan gaji tertunggak dengan segera.

“Selain itu, FIB juga telah menerima surat rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang bersetuju menyalurkan

sumbangan bagi menyelesaikan bayaran tunggakan gaji KL City bagi tahun 2023 sebelum akhir Mac 2024.

“Manakala bagi KDA FC, kelab itu telah menyerahkan bukti pembayaran sejumlah RM 600,000 sebagai bayaran seba-hagian tunggakan gaji semasa bagaimanapun ia tidak mema-tuhi bayaran 50 peratus jumlah tunggakan gaji seperti ditetap-kan FIB.

“Namun begitu, FIB telah me-nerima bukti kewangan sumber dana yang akan diterima KDA FC dalam masa terdekat,” kata MFL dalam satu kenyataan.

Meskipun KL City dan KDA FC diberi kelonggaran untuk menyelesaikan tunggakan gaji

pasukan masing-masing namun FIB bersedia untuk mengenakan tindakan tegas terhadap kedua-dua kelab itu jika gagal melaksanakannya.

“Sekiranya KL City dan KDA FC gagal menyelesaikan ke-semua jumlah tunggakan gaji berkenaan pada tarikh kedua 30 Mac 2024, hukuman pemotongan tiga mata bagi saingan Liga Super musim 2024-2025 dan denda sebanyak RM 50,000 akan dikenakan dengan serta merta berdasarkan kepada Peraturan Pelesenan Kelab MFL Edisi 2023 “Article 2.4 (c) Licensing Sanc-tions”.

“FIB juga akan menilai se-mula status lesen kelab tersebut,” tambahnya.